

Ruj. Kami : ANM.PK.UPA/600-1/1/3(26)

Tarikh : 11 Mac 2021

Semua Ketua Jabatan Persekutuan /
Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan,

KELULUSAN KHAS PELUPUSAN ASET BUKAN KEWANGAN YANG MELIBATKAN TAHUN KEWANGAN BERLAINAN – KESILAPAN PERAKAUNAN

Surat Jabatan Akauntan Negara Malaysia Putrajaya ruj: JANM/BPOPA.600-1/4/1(18) bertarikh 22 Februari 2021 adalah dirujuk berkenaan perkara di atas dan membatalkan surat JANM/BPOPA.600-1/4/1(14) bertarikh 16 November 2020 dan surat JANM/BPOPA.6001/4/1(17) bertarikh 17 Februari 2021.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan, **pelarasan mengosongkan item aset bukan kewangan kepada belanja melibatkan tahun kewangan berlainan yang disebabkan kesilapan perakaunan (*accounting errors*) perlu diakaunkan melalui pelupusan aset secara hapuskira perakaunan (*accounting write off*)** dan dilaksanakan melalui sub-modul pelupusan aset lain-lain di modul Perakaunan Aset iGFMAS. Kelulusan pelupusan khas ini tidak terpakai bagi pembedahan kesilapan migrasi data baki awal. Pembedahan bagi kesilapan migrasi data baki awal perlu melalui Unit Amalan Perakaunan, PPPA.

3. Sehubungan dengan itu, satu kelulusan pelupusan khas perlu disediakan dan disahkan oleh Ketua Akauntan Kementerian / Jabatan yang akan dijadikan dokumen sokongan pelupusan dalam Borang Tindakan Kerja Pelupusan Aset (JANM – AA -6.3.2), Manual Prosedur Kerja iGFMAS – Lampiran Kepada Modul Asset Accounting (AA). Kementerian/Jabatan perlu melaksanakan pelupusan berdasarkan Manual Prosedur Kerja iGFMAS (Modul Asset Accounting): Prosedur Pelupusan Aset (Lain-lain).

4. Bersama-sama ini dilampirkan format **Kelulusan Pelupusan Khas (LAMPIRAN A) dan Tatacara Tindakan Pelupusan Khas Aset 2021 (LAMPIRAN 1)** Unit ini ingin menekankan bahawa pelupusan khas aset bukan kewangan disebabkan oleh kesilapan perakaunan ini **hanya boleh dilakukan dalam tempoh pra peralihan sahaja.**

5. Sebarang pertanyaan boleh diemelkan kepada aset_prk@anm.gov.my. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

UNIT PENGURUSAN ASET

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

NEGERI PERAK